



*Pelajar tidak perlu terburu-buru untuk mendapatkan pengalaman bercinta seperti orang dewasa kerana masa untuk mereka berbuat demikian masih panjang lagi. (Gambar hiasan dilakonkan oleh model)*

## Wajarkah Pelajar Sekolah Bercinta?

**C**INTA, satu perasaan yang cukup indah dan tidak dapat digambarkan dengan kata-kata serta ucapan. Ia dikatakan bermula di mata sebelum turun ke hati. Pasangan yang bercinta akan berasa bahagia sekali dan perasaan itu hampir pasti akan dialami oleh setiap orang dalam perjalanan hidupnya di dunia yang fana ini. Pelajar

sekolah juga sering kali dibuai oleh perasaan cinta yang kadang-kala tidak berpijak di bumi yang nyata.

Ada yang menyatakan bahawa percintaan di kalangan pelajar sekolah tidak akan kekal lama dan hanya merupakan cinta monyet semata-mata. Malahan ramai yang berpendapat bahawa cinta di kalangan pelajar sekolah hanya bersifat sementara disebabkan desakan

naluri ingin mencuba dan biasanya akan berakhir apabila mereka meninggalkan bangku persekolahan nanti.

Bagaimanapun terdapat sesetengah kes pelajar yang bercinta sewaktu berada di sekolah berjaya mempertahankan percintaan mereka sehingga ke jinjang pelamin. Cuma yang menjadi persoalan di sini adakah wajar pelajar sekolah bercinta dan sejauh manakah kesan percintaan

itu mempengaruhi pelajaran mereka di sekolah? Bagi ibu bapa, mereka hendak anaknya menghempukan sepenuh perhatiannya kepada pelajaran. Tetapi tidak semua pelajar mempunyai pendapat yang sama dengan ibu bapanya. Sebagai golongan yang semakin meningkat remaja dan dewasa, para pelajar mahukan kebebasan untuk membuat keputusan dan menentukan corak hidupnya. Hati naluri pelajar amat sensitif dan mudah terpengaruh dengan elemen-elemen yang datang daripada persekitarannya.

Jauh di sudut kalbu mereka, tersemat hasrat untuk dikasihi dan mengasihi. Mereka bercinta bukan kerana desakan untuk hidup berteman tetapi untuk membangkitkan dan mencetuskan motivasi untuk belajar. Benarkah pelajar yang bercinta dan mempunyai teman kelihatan bersemangat untuk belajar? Ia akan menjadi benar apabila pasangan pelajar yang bercinta saling memberikan dorongan dan rangsangan kepada orang yang dikasihi.

### Tanggungjawab

Bagaimanapun, percintaan yang tidak dibatasi dengan akal fikiran yang sihat boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada pelajar sekolah yang bermain cinta. Percintaan yang tercetus hasil daripada desakan hawa nafsu dan gelojak perasaan yang meluap-luap boleh menyebabkan pasangan itu menjadi lalai serta melupakan tanggungjawabnya yang sebenar. Pasangan berkenaan bukan sahaja hidup di dalam alam ciptaannya sendiri tetapi juga tidak lagi mempedulikan teman-temannya yang lain dan lupa kepada pelajaran serta kewajibannya sebagai pelajar sekolah.

Pelajar sekolah yang bercinta sering ditemui berpelebaran dan berdua-duaan di kompleks beli-belah. Tidak kurang juga yang mengadakan pertemuan di tempat-tempat yang sulit tanpa pengetahuan ibu bapa dan rakan-rakan. Yang lebih membimbangkan ialah pergaulan itu mungkin menjerumuskan para pelajar ke lembah yang tidak diinginkan seperti hamil di luar nikah, dirogol dan terjebak dalam pelbagai kegiatan maksiat yang

lain. Para pelajar yang hidup di alam transisi itu biasanya akan bertindak mengikut perasaan tanpa mempedulikan pandangan dan pendapat orang lain.

Bercinta sebenarnya memerlukan kematangan dan ia melibatkan tanggungjawab yang besar. Cinta tidak cukup dengan ungkapan "*I Love You*" sahaja. Sebaliknya ia lebih daripada itu yakni memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk memupuk dan membajanya supaya tumbuh dengan subur pada sepanjang masa.

Memang tidak dinafikan bahawa bercinta semasa di sekolah cukup menyeronokkan dan merupakan satu kebanggaan kepada pelajar yang terbabit. Bagi pelajar lelaki, ia akan merasa dirinya hebat kerana berjaya menawan hati seorang perempuan. Bagi pelajar perempuan pula, mereka akan merasakan dirinya berharga apabila ada lelaki yang menaruh perasaan kepadanya. Semua perasaan itu tidak boleh membantu mereka mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Bercinta merupakan satu proses yang rumit dan ada kalanya menyakitkan. Seandainya percintaan itu gagal dan putus di pertengahan jalan, ia sudah tentunya akan mendatangkan kesan yang mendalam kepada individu yang bercinta. Mereka merasa kecewa, marah dan tidak berguna. Perasaan-perasaan itu akan membayangi mereka untuk suatu tempoh masa yang lama dan ini tentunya akan mengganggu pembelajaran dan menjejaskan tumpuannya di sekolah.

Tambahan pula, pelajar sekolah tidak perlu terburu-buru untuk mendapatkan pengalaman bercinta kerana masa untuk mereka berbuat demikian masih panjang lagi. Mereka sepatutnya mempunyai dan membuat persediaan sebelum terlibat dalam kancah percintaan yang penuh dengan cabaran serta pancaroba itu. Para pelajar perlu sentiasa mengingatkan diri bahawa mereka masih di bawah tanggungan ibu bapa dan penjanganya.

### Kesan

Walaupun terdapat pro dan kontra serta baik dan buruknya pelajar sekolah bercinta tetapi nampaknya ia lebih

banyak mendatangkan kesan yang negatif daripada positif. Antara kesan negatif itu termasuk menyebabkan para pelajar menghabiskan masa yang terlalu banyak untuk melayani pasangan daripada menggunakan waktu itu untuk melakukan sesuatu yang digemarinya. Pelajar dan remaja yang mempunyai kekasih selalunya mengalami konflik jiwa yang hebat serta tidak tahu membezakan di antara realiti dan fantasi. Akibatnya mereka mungkin akan bertindak di luar batasan norma dan ajaran agama apabila berhadapan dengan masalah yang menuntut penyelesaian yang segera. Walhal kemampuan membuat keputusan merupakan satu bentuk kemahiran yang perlu dipelajari dan akan diperoleh melalui pengalaman. Terdapat pelajar yang bercinta yang tidak dapat mencari jalan keluar terhadap masalah yang dihadapi seperti mendapat tentangan daripada keluarga mengambil jalan singkat dengan membunuh diri.

Dalam kejadian yang terbaru, seorang pelajar lelaki tingkatan empat telah ditikam mati oleh seorang pelajar tingkatan lima yang dikuasai oleh perasaan cemburu yang melampau selepas si mangsa bercakap-cakap dengan "teman wanita"nya. Di selatan negara kita, pernah dilaporkan bagaimana dua kumpulan pelajar perempuan bergaduh kerana berebutkan pelajar lelaki. Dalam satu kejadian yang lain, seorang pelajar lelaki telah dibelasah sehingga mengalami kecederaan yang serius oleh sekumpulan pelajar senior akibat daripada permainan cinta yang tidak terkawal.

Tidak menjadi satu kesalahan untuk mencari kawan dan teman di sekolah. Tetapi biarlah teman yang dapat membantu kita dalam pelajaran bukannya teman yang mendatangkan keresahan dan kegelisahan jika sehari tidak berjumpa. Para pelajar tidak seharusnya menanggung beban percintaan orang dewasa. Pelajar mempunyai kebebasan untuk memilih dan buatlah pilihan yang terbaik untuk diri, keluarga dan masyarakat keseluruhannya. Percayalah bahawa kalau sudah jodoh akan bertemu jua walau selepas meninggalkan dunia persekolahan sekalipun.